

02 DEC 1999

Ali-Exco

SENARAI EXCO KERAJAAN NEGERI DIUMUMKAN MINGGU DEPAN

MELAKA, 4 Dis (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata senarai anggota Exco kerajaan negeri yang baru dibentuk akan diumumkan minggu depan selepas mendapat persetujuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya akan berjumpa dengan Perdana Menteri dalam tempoh yang terdekat, dalam beberapa hari ini untuk mencadangkan nama anggota Exco kerajaan negeri. Setelah mendapat kelulusan, saya akan buat pengumuman," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang berita pertamanya selepas dilantik sebagai Ketua Menteri Melaka yang kesembilan hari ini.

Mohd Ali, 50, yang sebelum ini menjawat jawatan Timbalan Menteri Kesihatan mengangkat sumpah jawatan itu di hadapan Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabudin di Istana Melaka.

"Saya fikir minggu depan akan diketahui senarai itu... belum fikir lagi siapa yang akan ada dalam senarai tetapi saya percaya akan ada campuran dari yang lama dan baru," katanya.

Tiga anggota Exco kerajaan negeri tidak bertanding pada pilihan raya umum ke-10 Isnin lalu. Mereka ialah Datuk Yassin Mohd Sarif, Datuk Nordin Yaani dan Datuk Mohd Sharif Mohd Drus.

Selain mengisi kekosongan itu, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) yang baru juga perlu dilantik selepas Datuk Nasir Manap juga turut tidak mempertahankan kerusinya pada pilihan raya itu.

Exco Kerajaan Negeri Melaka mempunyai lapan anggota dan mengikut agihan sebelum ini, enam daripadanya wakil Umno dan dua lagi daripada MCA.

Semua lima anggota Exco yang bertanding pada pilihan raya itu mengekalkan kerusi masing-masing. Mereka ialah Datuk Ahmad Hamzah, Datuk Ibrahim Durum, Datuk Momin Abdul Aziz, Datuk Poh Ah Tiam dan Datuk Wira Gan Boon Leong.

Mohd Ali yang telah menjawat jawatan Exco kerajaan negeri selama dua penggal mulai 1986, berkata beliau berhasrat mewujudkan kerajaan yang cekap dan berkualiti.

"Ini supaya perkhidmatan yang akan diterima rakyat dapat dipenuhi sebaik mungkin... kita akan teruskan usaha baik kerajaan negeri yang telah menetapkan wawasan Melaka menjadi negeri maju pada 2010," katanya.

Katanya, pembangunan bidang industri dan pelancongan juga akan terus mendapat tempat utama di samping usaha baru memperkenalkan Melaka sebagai pusat membeli-belah dan pusat konvensyen.

Industri sokongan dan perkhidmatan juga boleh ditingkatkan kerana ia boleh mengisi ruang kepada negeri yang kurang dari hasil mahsul seperti Melaka, katanya.

"Kita akan membuat promosi pelancongan dengan agresif supaya pencapaian di bidang ini akan terus meningkat. Kita telah berada di tahap yang membanggakan dan kita akan membaikinya lagi dengan harapan Melaka muncul sebagai negeri pelancongan yang utama," katanya.

"Ini kerana Melaka memang mempunyai aset pelancongan yang tidak ada di negeri lain... ia akan menjadi keutamaan di samping bidang industri dan bidang perkhidmatan," katanya lagi.

Beliau juga meminta semua jentera pentadbiran kerajaan negeri supaya terus memberikan komitmen yang tinggi untuk membantunya.

"Saya mengharapkan sokongan dan bantuan daripada kakitangan kerajaan termasuk menasihati saya, mereka boleh menasihati saya pada bila-bila masa," katanya.

Bantuan daripada semua pihak sama ada pentadbir atau rakyat biasa adalah penting bagi memastikan pembangunan negeri mencapai tahap lebih cemerlang, katanya.

Ketika ditanya mengenai perasaannya, Mohd Ali berkata beliau terharu dengan kepercayaan yang diberikan dan menganggap ia sebagai tanggungjawab yang mencabar.

"Mudah-mudahan dapat memajukan lagi Melaka di samping dapat memperkuat lagi kerajaan, semoga semua program yang telah diusahakan oleh kerajaan dapat diteruskan," katanya.

-- BERNAMA

MOZ MYD NMO